

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI KHALID BIN IBRAHIM  
[BANDAR TUN RAZAK ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa kadar kemiskinan sebenar Malaysia sekiranya definisi kemiskinan disemak mengikut penanda aras OECD (*The Organisation for Economic Co-Operation and Development*) dan kesatuan Eropah iaitu pendapatan garis kemiskinan ditakrifkan sebagai 60% daripada pendapatan isi rumah bulanan median. Apakah langkah susulan diambil oleh Kerajaan mengenai perkara tersebut.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI ABDUL WAHID OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, amalan model pengukuran dan pendekatan pembasmian kemiskinan antara negara adalah berbeza mengikut status sosioekonomi, keperluan dan fokus serta keperluan tertentu. Pendekatan pengukuran kemiskinan di Malaysia adalah berasaskan pengukuran kemiskinan mutlak. Pendekatan ini diamalkan oleh kebanyakan negara, terutamanya negara yang sedang membangun. Di samping penggunaan konsep kemiskinan mutlak, Malaysia juga menggunakan konsep kemiskinan relatif iaitu berdasarkan kepada struktur kependudukan negara dalam menangani isu-isu pembangunan sosioekonomi. Negara anggota *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* dan Kesatuan Eropah mengguna pakai konsep pengukuran relatif, iaitu berasaskan kepada median pendapatan untuk menentukan garis kemiskinan relatif mereka. Bagi negara kurang membangun (*least developed countries*), pengukuran kemiskinan adalah berasaskan garis kemiskinan yang diperkenalkan oleh Bank Dunia, iaitu \$1.25 sehari.

Bagi Malaysia, ukuran kemiskinan mutlak berasaskan pendapatan garis kemiskinan (PGK) perlu diteruskan bagi memantau poket kemiskinan mutlak yang masih wujud terutamanya di kalangan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia, minoriti Bumiputera di Sabah dan Sarawak serta isi rumah di luar bandar. Konsep ini juga menggambarkan tahap *poverty severity* secara umumnya. Pada masa yang sama, Malaysia juga menggunapakai konsep kemiskinan relatif

dalam menentukan kumpulan sasaran. Misalnya, isi rumah berpendapatan rendah berasaskan ukuran 50 peratus daripada pendapatan median pendapatan nasional digunakan bagi melaksanakan program-program 1Azam. Di samping itu, Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kespuluh menggunakan konsep kemiskinan relatif untuk memperluaskan kumpulan sasaran kepada isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan terus menggunakan konsep-konsep pengukuran kemiskinan mutlak dan juga konsep pengukuran relatif dalam menangani isu kemiskinan dan bagi menentukan kumpulan sasaran berasaskan kepada keperluan dan cabaran sosioekonomi semasa. Dengan mengetahui secara khusus profil kumpulan sasaran, bantuan dan sokongan khusus akan dapat diberi selaras dengan keperluan. Menerusi sokongan terus kepada golongan sasaran, *outcome* akan menjadi lebih berkesan dan berhasil untuk terus mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini.

Sekian. Terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN**  
**KAWASAN : PENGKALAN CHEPA**  
**TARIKH : 4 NOVEMBER 2014, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN (PENGKALAN CHEPA) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan :-**

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa Pantai Cahaya Bulan telah pun diiktiraf sebagai lokasi pelancongan pilihan rakyat tempatan dan luar negara; dan
- (b) bagaimanakah perkembangan rancangan menaik taraf dan melebarkan jalan raya dari Kota Bharu ke Pantai Cahaya Bulan.

## **JAWAPAN:**

(jawapan a dan b)

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai Pantai Cahaya Bulan sebagai salah satu daripada destinasi pelancongan utama di Kelantan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya setakat ini tidak ada perancangan untuk melebarkan keseluruhan Jalan Persekutuan 223 (FT223) yang menghubungkan Kota Bharu ke Pantai Cahaya Bulan. Ini kerana kapasiti trafik di laluan tersebut masih lagi terkawal. Walau bagaimanapun kementerian ini bersedia untuk berbincang dengan Kerajaan Negeri Kelantan jika terdapat permohonan dan asas pertimbangan yang kukuh untuk menaik taraf keseluruhan jalan tersebut.

Untuk jangka pendek, kementerian ini akan menambah baik tahap perkhidmatan lokasi tertentu di laluan berkenaan, khususnya di lokasi yang sering ditenggelami air akibat banjir. Projek ini akan dilaksanakan setelah kementerian ini menerima peruntukan daripada Agensi Pusat menerusi Bajet 2015.

Sekian. Terima kasih.